


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
09 OGOS 2016
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	PEMBERITAHUAN TAWARAN	2
BERITA HARIAN	JOHOR GARIS LIMA LANGKAH MODENKAN PBT	3
SINAR HARIAN	LIMA SARANAN MB	4
HARIAN METRO	GARIS LIMA PANDUAN	5
UTUSAN MALAYSIA	JOHOR CIRCUIT DIBANGUN SEMULA	6
THE STAR	FOREIGN RESIDENTS PLAY THEIR PART IN THE FIGHT AGAINST DENGUE IN PASIR GUDANG	7
HARIAN METRO	BELUM CAPAI STANDARD MACAM NEGARA MAJU	8



BERITA HARIAN

BTP 9/8/16

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong **BUMIPUTERA** yang dinyatakan dan berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** di bawah tajuk./ kod bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	JENIS KERJA & BILANGAN TAWARAN	GRED, KATEGORI, PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1.	CADANGAN PEMBANGUNAN LAMAN EKSTRIM DI DATARAN SUKAN, PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TAKZIM MPPG/T25/2016/BPK/BLS	Gred G5 Kategori CE Penghususan CE14	RM600.00

Lawatan Tapak (KEHADIRAN ADALAH WAJIB)
 Tarikh/Hari :21/08/2016 (AHAD) Masa : 10.00 PAGI
 Tempat : DEWAN SERBAGUNA,
 ARAS 1, MENARA AQABAH, PASIR GUDANG

Dokumen tawaran boleh didapati mulai **14 OGOS 2016 (AHAD)** hingga **4 SEPTEMBER 2016 (AHAD)** pada waktu pejabat di Kaunter Bayaran, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk Bank Draft atau Wang Pos atau Kiriman Wang dibuat atas nama **MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG**. Bayaran secara tunai juga akan diterima.


Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada pemborong atau wakil yang sah sahaja. Wakil-wakil Pemborong hendaklah mempunyai surat kuasa yang sah. **Sijil asal** (termasuk satu salinan) Sijil Pendaftran Syarikat, Sijil Pendaftran Pemborong, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan slip pendaftaran GST adalah diperlukan semasa menghadiri taklimat dan membeli dokumen tawaran. **Tempoh sah laku lesen hendaklah sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh tutup tawaran**. Naskah Meja Tender akan dipamerkan di Bahagian Pengurusan Kontrak, Aras 10, Menara Aqabah, Pasir Gudang Johor pada waktu pejabat.

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditemeterikan dan ditulis disebelah atas kiri sampul No. Tawaran dan jenis kerja berkaitan dan dikembalikan kepada:

Yang DiPermaisuri
Majlis Perbandaran Pasir Gudang
 Aras 19, Menara Aqabah
 Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor

Tarikh tutup tidak lewat dari jam 12.00'tengah hari pada **8 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)** dan dikehendaki memasukkan ke dalam peli tawaran di Bahagian Pengurusan Kontrak, Aras 10, Menara Aqabah, Pasir Gudang Johor. Pihak kami tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau sebarang tawaran. Pemborong atau wakil yang gagal memenuhi syarat atau dokumen yang dibawa tidak lengkap tidak akan dibenarkan untuk membeli dokumen sama sekali.

Tarikh : 09/08/2016



BERITA HARIAN

Johor garis lima langkah modenkan PBT

BH A 18/16

[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]



Mohamed Khaled bersama Pengurusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Abd Latif Bandi (dua dari kiri) meneliti buku selepas merasmikan majlis Konvensyen Ahli-Ahli Majlis sesi 2016/2017 dan Pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru.

Johor Bahru: Kerajaan Johor menggaris lima perkara bagi memodenkan perkhidmatan pihak berkusa tempatan (PBT) seterusnya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pertama adalah pembangunan modal insan yang perlu menjadi sasaran dalam setiap perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia PBT.

Katanya, PBT memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja rajin, berintegriti dan ikhlas bekerja, malah mestilah terdiri daripada golongan pekerja yang cekap, berkemahiran tinggi serta profesional.


"Perkara kedua, PBT perlu fokus kepada peningkatan inovasi dan kreativiti. Seterusnya PBT di Johor

harus mempunyai strategi pengukuran kewangan sendiri, lebih tahu potensi dan keperluan kawasan mereka selain ruang bagaimana yang boleh meningkatkan hasil mereka," katanya.

Persekitaran lestari

Berucap pada majlis perasmian konvensyen ahli majlis PBT Johor sesi 2016/2017 dan pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT Johor, beliau berkata, PBT di negeri ini harus mewujudkan persekitaran lestari dalam masyarakat selain perkara kelima, iaitu mempunyai sistem komunikasi menyeluruh dan berkesan.

"Bagi menterjemahkan perkara ini, kita harus menyampaikan segala hasrat, perancangan dan pelaksanaan kepada rakyat dengan cara yang mudah dan berkesan," katanya.



SINAR HARIAN

SH 9/8/16

Lima saranan MB

JOHOR BAHRU - Menteri Besar, Mohamed Khaled Nordin memberikan lima saranan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini supaya menjadi perintis kejayaan memodenkan perkhidmatan, sekali gus meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan negeri.

Katanya, saranan menuntut PBT mempunyai tenaga yang bukan sahaja rajin, berintegriti dan ikhlas bekerja, malah mesti cekap, berkemahiran tinggi serta profesional dan berada dalam kelas terbaik.

"Pertama, PBT adalah pembangunan modal insan yang menjadikan sasaran dalam setiap perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia.

"Saranan kedua pula PBT perlu fokus pada peningkatan inovasi dan kreativiti kerana bukan mudah untuk merubah, mencipta dan memperkenalkan citra baharu," katanya ketika Majlis Perasmian

Konvensyen Ahli-Ahli Majlis PBT Negeri Johor Sesi 2016/2017 dan Pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT Negeri Johor, di sini, kelmarin.

Menurutnya, mempunyai strategi pengukuhan kewangan sendiri adalah saranan ketiga yang perlu ada pada PBT kerana ke mandirian kewangan memberi mereka lebih autonomi.

"Keempat, PBT harus wujudkan persekitaran yang lestari dalam masyarakat kerana setiap agenda pembangunan turut mengambil kira aspek kesejahteraan hidup.

"Kelima, PBT harus mempunyai sistem komunikasi yang menyeluruh dan berkesan supaya rakyat mudah memahami hala tuju pembangunan kita di Johor," katanya.

Dengan cara ini, beliau berkata, rakyat dapat merancang masa depan mereka dengan lebih baik kerana memahami aspirasi dan pelan kerajaan.



HARIAN METRO



MOHAMED KHALED merasmikan Konvensyen Ahli-Ahli Majlis dan Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT di Johor Bahru.

Garis lima panduan

HM 9/8/16

■ Usaha tingkat kecekapan PBT

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

Johor Bahru

Dalam usaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian, kerajaan negeri menggariskan lima perkara sebagai panduan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, berdasarkan lima perkara berkenaan setiap PBT mampu memodenkan perkhidmatan masing-masing.

Beliau berkata, perkara pertama adalah pembangunan modal insan yang perlu menjadi sasaran dalam setian perancangan pembangunan dan pengurusan sumber manusia PBT.

Menurutnya, setiap PBT memerlukan tenaga kerja yang berasal dari rakyat berbangsa dan berikhsan bekerja, tetapi mestilah terdiri daripada golongan pekerja yang cekap, berkenaanahan tinggi serta profesional.

"Perkara kedua perlu diberi perhatian adalah fokus kepada peningkatan inovasi dan kreativiti yang juga cabaran paling besar menjadi keingganan pelbagai pihak untuk berubah.

FAKTA Setiap PBT mempunyai moden perkhidmatan

lebih baik.

"Perkara ketiga adalah semua PBT seharusnya mempunyai sistem komuniti yang menyeluruh dan berkesan.

"Bagi menterjemahkan perkara ini, kita harus menyampaikan segala hasrat, perancangan dan perlaksanaan kepada rakyat dengan cara yang mudah dan berkesan.

"Dengan cara ini, rakyat akan dapat melihat dan merancang masa depan mereka dengan lebih baik," katanya.

"Ketiga, PBT seharusnya mempunyai strategi penggunaan kewangan sendiri. Setiap PBT lebih mengetahui berkaitan potensi dan keperluan kawasan mereka selain ruang yang bagaimana boleh meningkatkan hasil mereka," katanya.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Konvensyen Ahli Majlis PBT Johor sesi 2016/2017 dan pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT Johor di sini, kelmarin.


Katanya, perkara keempat adalah keperluan PBT untuk membuat perancangan dan pelan tindakan strategik masing-masing.

Beliau berkata, ia merujuk kepada strategi mengoptimalkan penggunaan perspektiran secara lestari dan strategik.

"Perkara terakhir adalah semua PBT seharusnya mempunyai sistem komuniti yang menyeluruh dan berkesan.

"Bagi menterjemahkan perkara ini, kita harus menyampaikan segala hasrat, perancangan dan perlaksanaan kepada rakyat dengan cara yang mudah dan berkesan.

"Dengan cara ini, rakyat akan dapat melihat dan merancang masa depan mereka dengan lebih baik," katanya.



UTUSAN MALAYSIA

TUNKU IDRIS
ISKANDAR
SULTAN IBRAHIM
(dua dari kanan)
diberi penerangan
mengenai kayu
gaharu yang telah
diproses sambil
diperhatikan
oleh Steve Watts
(dua dari kiri)
pada majlis MoU
antara Johor
Motorsports dan
Asia Plantation
Capital Berhad di
Taman Industri
Masai di Johor
Bahrud, kelmarin.
UTUSAN/RAJA
JAAFAR ALI

UM 9/8/16



Johor Circuit dibangun semula

Oleh NURUL HUDA HASSAN
ekonomi@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 8 OGOS

Buat masa ini kita berada pada tahap akhir untuk memukat-madkan rekaan baharu bagi Johor Circuit sebelum kita memulakan langkah seterusnya.”

DENIS LIAN
Ketua Pegawai Eksekutif Johor Motorsports Sdn. Bhd. (JMS)

LITAR lumba antara yang terawal dibina di negara ini, Johor Circuit di Pasir Gudang bakal dibangunkan semula sejajar usaha menyediakan gaya hidup kemudahan sukan permotoran bertaraf dunia menjelang tahun 2018.

Pembangunan semula litar itu juga bakal dilengkapi penanaman pelbagai pokok gaharu selain buluh dan tumbuhan lain di atas tanah seluas 20 hektar dengan sasaran menjadikannya litar berkoncepsi neutral karbon, pertama seumpamanya di dunia.

Tanpa mahu mendedahkan kos pembangunan semula Johor Circuit itu, Ketua Pegawai Eksekutif Johor Motorsports Sdn. Bhd. (JMS), Denis Lian berkata, projek tersebut apabila siap kelak

boleh dinikmati semua lapisan masyarakat.

Menurutnya, projek pembangunan semula di atas tanah seluas 80 hektar itu bakal dilengkapi pusat komersial antaranya pusat beli-belah, komuniti berpagar, akademik litar lumba, trek lumba selain kemudahan lain.

Buat masa ini kita berada pada tahap akhir untuk memukat-madkan rekaan baharu bagi Johor Circuit sebelum kita memulakan langkah seterusnya bagi membangunkan semula ia menjadi litar lumba dilengkapi pembangunan hijau.

“Projek itu dijangka mengambil masa antara 24 hingga 36 bulan untuk siap,” katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara JMS dan Asia Plantation Capital Bhd. (APCB) di sini semalam.

MoU bagi penanaman pelbagai jenis pokok antaranya gaharu dan buluh itu ditandatangani oleh

Pengerusi JMS, Tunku Temengong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif APCB, Steve Watts.

Lian berkata, apabila siap kelak, Johor Circuit akan dilengkapi antaranya litar sepanjang empat kilometer dengan 12 seleksi yang meneptati piawaian Persekutuan Automobil Antara-bangsa (FIA) Kelas 2.

Dalam pada itu, mengulas MoU tersebut, Watts berkata, pihaknya akan menanam lebih 40,000 gaharu di kawasan yang diperuntukkan di situ dan dijangkakan kerja-kerja tersebut dapat dimulakan dalam tempoh enam bulan lagi.

“Kami gembira untuk menjayakan projek ini kerana usaha menanam pokok tersebut di sebuah litar lumba di Johor Circuit itu adalah yang pertama seumpamanya di dunia dan kami akan menggunakan pengalaman yang ada untuk menjayakannya,” katanya.



THE STAR

Foreign residents play their part in the fight against dengue in Pasir Gudang



STAR 9/8/16

PASIR GUDANG: Foreigners are joining the fight to curb the dengue fever menace by taking part in *gotong-royong* activities together with local residents to clean up the surrounding areas of their neighbourhood.

Bangladeshi factory worker Amdadul Hoque, 28, who has been living in Taman Mawar here for nine years said it was the responsibility of locals and foreigners alike to ensure their neighbourhoods were free of illegal dumping sites.

"Illegal dumping sites could attract rodents, stray dogs and cats and become the perfect breeding ground for aedes mosquitoes," he said during a *gotong-royong* programme attended by Pasir Gudang MP Normala Abdul Samad here on Sunday.

Amdadul said that he always joins any *gotong-royong* and dengue awareness programmes conducted for the community, especially to clear rubbish at illegal dumpsites in the area.

Another Bangladeshi, Jalal Ali




1 Taman Mawar residents including foreigners cleaning up the area during a *gotong-royong* programme.

2 Pasir Gudang MP Normala Abdul Samad (third from right) launching the programme.

— Photos:
NORBAITI
PHAHARORADZI/
The Star

Hussin, 38, fully supported the cleaning activities involving local residents and foreign workers living in the area as dengue cases could affect everyone regardless of their skin colour, race or nationality.

"It is better to be safe than sorry and when there is an outbreak, it might be too late for us to control the situation," he said, adding that he always reminded his housemates to keep their house compound clean.



HARIAN METRO

HM 9/8/16

Belum capai standard macam negara maju

Johor Bahru: Meskipun jumlah kemalangan maut di negara ini menurun dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, puratanya masih belum mencapai standard penurunan kemalangan di negara maju.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Datuk Roslan Eusoff berkata, purata kemalangan maut di negara maju hanya lima kes sehari dan mereka mempunyai sistem serta rangkaian jalan raya baik serta selamat.

“Sebagai contoh, secara purata, 18 kes kemalangan maut dicatatkan setiap hari sepanjang tahun lalu dan daripada jumlah itu, 10 mangsa adalah penunggang dan pembonceng motosikal serta selebihnya pemandu kendaraan lain.

“Jika dibandingkan tahun sebelumnya, statistik menunjukkan sedikit iaitu 19 kes kemalangan maut setiap hari pada 2014 berbanding pada 2013. Walaupun semakin menurun, jumlah ini masih tinggi sebenarnya,” katanya ketika merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Dengan Kerjasama Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad di Dewan Utama Sekolah Menengah



ROSLAN (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ketua Turus Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik Negeri, Superitenden Baharudin Mat Taib.

Kebangsaan (SMK) Kota Masai 2, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Johor, Mohd Rusdi Mohd Darus, Pengurus Keselamatan, Sekuriti, Kesehatan dan Alam Sekitar Petron Malaysia, Lokman Hani dan Pengetua SMK Kota Masai 2, Rosland Mohd Yusof.

Roslan berkata, berikutnya itu JKJR akan lebih banyak menganjurkan program dan kempen keselamatan jalan raya di sekolah dan universiti awam termasuk di taska

dan tadika.

Katanya, menerusi usaha itu diharapkan kefahaman, kesedaran, tanggungjawab dan disiplin dapat diper tingkatkan, sekali gus mengurangkan kadar kemalangan maut walaupun untuk mencapai sifar kemalangan maut adalah amat sukar.

Mengenai kempen itu, beliau berkata, pihaknya dengan kerjasama Petron Malaysia memilih SMK Kota Masai 2 sebagai sekolah pertama di negara ini untuk kempen diikuti sebuah lagi sekolah di negeri ini.

